

Headline	KJM PERLU CAMPURTANGAN PROFESSIONAL
Publication	TV Sarawak (www.tvsarawak.com)
Date	31 July 2019



KJM PERLU CAMPURTANGAN PROFESSIONAL

KUCHING: Usahawan Kejiranan Mesra (KJM) di bawah Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) perlu melibatkan campurtangan profesional untuk mengetengahkan produk usahawan komuniti khususnya.

Bagi merealisasikan usaha ini, DBKU telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai inisiatif bagi mencapai pembangunan komuniti.

Melalui MoU tersebut, pihak usahawan akan mendapat latihan yang profesional dan lengkap merangkumi kaedah-kaedah pemasaran, pengiklanan, penjenamaan, pembungkusan dan sebagainya.

Menurut Datuk Bandar Kuching Utara (DBKU), Datuk Abang Wahab Abang Julai, DBKU akan menyediakan sebuah pusat pemasaran produk usahawan KJM di Tebingan Kuching.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan sidang media selepas memeterai MoU, hari ini.

Selain itu, DBKU juga memeterai MoU dengan PESTECH International Bhd (PIB) dan Layar Bumimas Sdn Bhd (LBSB) yang bertujuan untuk memberi tumpuan kepada Smart Grid dalam Smart Metering, bandar pintar untuk integrasikan pintar ke grid bagi membolehkan pihak utiliti dan pengguna menguruskan kecekapan dan kebolehpercayaan mereka.

LBSB pula bertindak sebagai Local Authorities Liaison dan menguruskan aktiviti-aktiviti pelaksanaan projek.

Manakala, MoU antara DBKU dan BETSOL Sdn Bhd dan LBSB turut dimeterai di mana BETSOL merupakan syarikat bio-teknologi menumpukan kepada teknologi penerapan pengurai semulajadi Black Soldier Fly bagi industri sisa organik kepada penukaran protein yang mampan.

Justeru beliau berharap melalui persefahaman tersebut, Bandaraya Kuching dan warga kota terus maju ke arah komuniti pintar dalam menyumbang kepada pendapatan komuniti setempat seterusnya kepada pihak berkuasa tempatan sekaligus pendapatan negeri Sarawak.

Source: <https://tvsarawak.com/kjm-perlu-campurtangan-profesional/>